

10 SEP 2003

BAJET-SENARAI/I

RAMAI JANGKA KERAJAAN PASTIKAN DAYA TAHAN EKONOMI MALAYSIA DLM BAJET 2004

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Dengan pengumuman Bajet 2004 pada petang Jumaat ini, banyak pihak yang berdoa dengan harapan "senarai kemahuan" mereka akan dipenuhi.

Sebelum ini, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan telah mendengar segala pandangan yang diusulkan oleh pelbagai sektor termasuk kumpulan industri dan organisasi sosial dalam dialog pra-bajet yang diadakan beberapa bulan sebelum ini.

Pegawai-pegawai Perbendaharaan kini sedang menghalusi Bajet 2004 bagi memastikan ia memberi faedah kepada segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Oleh itu apa yang boleh kita harapkan kali ini, terutama dengan pilihan raya yang semakin hampir?

Ramai yang menjangka kerajaan akan meneruskan pendekatannya mengekalkan kos menjalankan perniagaan yang rendah di Malaysia bagi memastikan negara menjadi lokasi perniagaan dan pelaburan yang menarik.

Sehubungan itu, ramai yang berharap kos telekomunikasi yang tinggi di Malaysia akan terus diturunkan.

Sebagai contoh, kos hubungan jalur lebar di Malaysia lebih mahal berbanding di Singapura dan ini boleh menghalang usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang menarik bagi ibu pejabat luar negara (OHQ).

Menurunkan kos telekomunikasi juga akan membantu meningkatkan kadar penembusan Internet dan membolehkan syarikat yang berpangkalan di Malaysia mengusahakan e-dagang secara besar-besaran. Selain itu, ramai yang menjangka kerajaan akan menghapus kerenah birokrasi berkaitan dengan pengambilan personel ekspatriat (pegawai asing).

Ketika ini, ramai pekerja ekspatriat yang enggan bekerja di Malaysia kerana terpaksa menunggu tempoh kelulusan yang lama daripada pihak berkuasa untuk bekerja di negara ini.

Memandang mereka adalah golongan profesional yang dibayar dengan harga yang mahal, mereka tidak mahu menunggu lama untuk mengetahui sama ada mereka boleh bekerja di Malaysia atau tidak.

Penghapusan "kerenah birokrasi" adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mengambil bekerja seramai yang mungkin pakar-pakar bagi memacu ekonomi negara yang berasaskan perkhidmatan.

Ramai pakar juga menjangka pemodal teroka memainkan peranan lebih besar dalam ekonomi negara terutama dalam pertanian dan industri pembuatan filem.

Seorang penganalisis mencadangkan Bajet 2004 perlu mengubahsuai sepenuhnya rangkaian logistik bermula daripada pengeluaran hinggalah ke muka pintu pelanggan. Ini perlu melibatkan penyusunan semula kemudahan berkaitan pergudangan dan simpanan bilik sejuk kepada semua jenis pengangkutan termasuk udara, air, laut dan laluan darat.

Beliau berkata nilai hasil pertanian kini tidak bergantung kepada bahagian bekalan seperti berapa banyak keluaran tertinggi bagi satu hektar tetapi juga bahagian pengguna seperti apa yang pasaran mahu.

Sehubungan ini, beliau berkata sektor pertanian memerlukan lebih banyak nilai tokokan seperti pembungkusan yang menarik dan penjenamaan yang baik.

Bagi terus menggalakkan sektor pertanian, beliau mencadangkan peranan skim mikrokredit diperluaskan bagi kegiatan perladangan kecil dan skim modal teroka baru bagi kegiatan besar-besaran.

Kesemua ini, katanya akan membantu masyarakat luar bandar mendapat hasil lebih baik daripada usaha pertanian masing-masing dan agensi-agensi seperti Felra dan Felcra perlu bekerjasama untuk memastikan hidup mereka bertambah baik.

Bagi industri pembuatan filem, kerajaan dijangka menyediakan insentif kepada pengeluar filem tempatan melalui modal teroka. Ini akan membantu mempromosikan Malaysia sebagai lokasi pembuatan filem yang menarik dan membolehkan pembuat filem untuk terus hidup.

Sementara itu, perdagangan automotif menjangka kerajaan mengumumkan satu struktur cukai baru bagi industri automotif.

"Kami menjangka gambaran lebih jelas akan muncul daripada Bajet 2004," kata seorang peniaga permotoran.

Langkah sedemikian akan membolehkan kerajaan mendapatkan semula hasil daripada pengurangan tarif import seperti yang dipersetujui di bawah peraturan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Secara amnya, kami dalam industri itu menerima kesan daripada jualan yang lebih rendah apabila orang ramai mengharap kereta yang lebih murah dalam era pasca AFTA. Tiba masanya kerajaan menyelesaikan masalah ketidakpastian itu," kata peniaga motor.

Satu bidang yang diharapkan industri harta supaya kerajaan dapat selesaikan ialah lebih hartanah dan projek perumahan yang terbengkalai.

Seorang juruperunding hartanah turut berharap kerajaan akan menyelesaikan isu rumah kos murah.

Disebabkan beberapa halangan perundangan, Syarikat Perumahan Negara (SPN) biasanya mengambil masa yang lama untuk mengambil alih projek terbengkalai.

Tetapi, juruperunding itu berharap ini diselesaikan dengan adanya kuasa yang diturunkan kepada agensi tertentu bagi tujuan itu.

Bagi perumahan kos rendah, beliau berharap kerajaan akan memainkan peranan agresif agar pemaju hartanah dapat "membebaskan" sumber masing-masing untuk membina rumah dalam kategori sederhana dan ke atas.

Sekarang ini, pemaju hartanah perlu mengeneipkan 30 peratus projek perumahan masing-masing kepada perumahan kos rendah bagi dijual kepada kerajaan negeri pada margin yang rendah.

"Mereka tidak perlu menanggung bebanan itu jika tanggungjawab itu dapat diturunkan kepada kerajaan yang boleh juga membantu kumpulan berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah melalui skim pembiayaan sewa beli," kata juruperunding itu.

Dalam bidang pendidikan, ramai menjangka kerajaan menyediakan pembiayaan untuk mengeluarkan lebih ramai pekerja berpengetahuan.

Kerajaan juga dijangka menyediakan dana bagi graduan mengambil kursus kemahiran semula.

Bagi menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan pendidikan, institusi pendidikan tinggi akan digalakkan menawarkan kursus yang diingini oleh pasaran.

Usaha ke arah penyelidikan dan pembangunan akan diselaraskan dengan lebih baik bagi memastikan produk mereka diingini oleh pasaran.

Para penganalisis turut menjangka perubahan keseluruhan di segi peranan Malaysia sebagai negara perdagangan.

Mereka menjangka pemberian insentif lebih banyak dalam bidang ini, termasuk sebuah agensi untuk mempromosikan eksport dan jenama Malaysia.

Kewujudan badan perdagangan utama untuk mempromosikan produk dan jenama Malaysia sepatutnya dikaji semula, kata salah seorang daripada mereka.

Seorang lagi menyatakan kini tiba masanya bagi Malaysia menokok nilai kepada produknya kerana kini tidak lagi berdaya maju bagi negara ini untuk bersaing dengan negara lain yang mempunyai kos pengeluaran yang lebih rendah.

Dalam hubungan ini, industri Malaysia perlu menjadi peneraju dalam mereka bentuk dan penjenamaan untuk menambah nilai produk mereka, katanya.

-- BERNAMA

MAD SHY AHM ZK